

DS 1.5: Program Kesedaran Penyelenggaraan Perparitan dan Saliran

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Kebersihan kawasan persekitaran termasuk parit dan sungai boleh mengurangkan risiko 'banjir kilat' dan selain memupuk semangat perpaduan dan membentuk masyarakat kampung yang sihat, sejahtera dan muafakat.
- Mengurangkan risiko banjir.
- Selaras dengan PPMJ 2030 yang menasarkankan pengurangan kawasan berisiko banjir menjelang 2030.
- Selaras dengan ciri prasarana DPLB 2030 dalam menyediakan sistem perparitan kampung yang lebih baik.

Komponen Cadangan:

- Meningkatkan kesedaran menjaga kualiti dan membaik pulih sistem perparitan dan saliran yang melibatkan sungai-sungai utama, parit-parit utama dan longkang sedia ada.
- Mengawal pembangunan di sekitar kampung-kampung melalui penglibatan komuniti desa.

Kaedah Pelaksanaan:

- Mengajukan pertandingan 'Kebersihan Kampung' peringkat daerah setahun sekali . Hadiah merupakan wang tunai untuk kampung yang terbaik dan saguhati kepada yang lain.
- Panel pengadil terdiri daripada agensi pelaksana dan penaja.
- Hadiah wang tunai boleh digunakan untuk pembangunan dan aktiviti sosial penduduk.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **12 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar
Johor Bahru	2	-
Kota Tinggi	4	6


AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • JPKK 	<ul style="list-style-type: none"> • KPLB • BPEN Johor • JPS • JAS

ANGGARAN KOS


- Kos semasa pelaksanaan program = RM 20,000 per program bagi setiap fasa
- Johor Bahru (RM 20,000 x 2 kampung x 3 fasa) = RM 120,000
- Kota Tinggi (RM 20,000 x 10 kampung x 3 fasa) = RM 600,000
- Jumlah anggaran kos terlibat = RM 720,000

FASA PELAKSANAAN



12 kampung telah dikenal pasti sebagai lokasi hotspot banjir kilat. Bilangan ini adalah merangkumi dua (2) kampung di daerah Johor Bahru dan 10 kampung di daerah Kota Tinggi. Perincian lokasi hotspot banjir kilat adalah seperti berikut:

Rajah 5.4: Pelan Lokasi Hotspot Banjir Kilat di Fasa 1



Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor , (2020)

Johor Bahru

- 1. Kg. Ubi Baru
- 2. Kg. Baru Muafakat

Kota Tinggi

- 1. Kg. Gembut
- 2. Kg. Perpat
- 3. Kg. Belukar Durian
- 4. Kg. Mawai Lama
- 5. Kg. Lepau
- 6. Kg. Baru Sungai Mas
- 7. Kg. Sungai Telor
- 8. Kg. Lukut
- 9. Kg. Sepak Hulu
- 10. Kg. Sepak Hilir